

Wakaf ASNB pelaburan dunia akhirat

PETALING JAYA – Permodalan Nasional Berhad (PNB) menerusi syarikat pengurusan unit amanah milik penuhnya, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) memperkenalkan perkhidmatan baharu iaitu Wakaf ASNB yang menyatukan konsep pelaburan dunia dan akhirat.

Wakaf ASNB berkonsepkan wakaf *muabbad*, iaitu wakaf berkekalan yang mengambil pendekatan untuk menyimpan modal dana wakaf bagi menghasilkan potensi pulangan setiap tahun.

Pulangan tersebut akan disalurkan kepada projek-projek wakaf dalam sektor kesihatan, pendidikan, pemerkasaan komuniti dan misi kemanusiaan.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria berkata, Wakaf ASNB akan memberi peluang kepada para pelaburnya melabur sambil beramal.

“Wakaf ASNB juga menjadi pelengkap kepada khidmat perancangan kewangan ASNB merangkumi pelaburan yang pelbagai serta kemudahan perwarisan

melalui Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah,” katanya dalam satu kenyataan.

Wakaf ASNB adalah hasil kerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang telah melantik ASNB sebagai Mutawalli iaitu pentadbir aset wakaf menerusi anak syarikat ASNB, ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (AWSB).

Turut hadir Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Mohd. Nizam Yahya, Pengerusi AWSB, Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin dan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn.

Selain itu, Arifin menerangkan, semua pemegang unit Akaun Dewasa ASNB berbilang kaum boleh mewakafkan unit amanah mereka menerusi perkhidmatan Wakaf ASNB bermula semalam di semua cawangan ASNB.

Transaksi wakaf di portal dan aplikasi mudah alih myASNB pula bermula pada 1 November 2021 bagi semua dana ASNB, kecuali transaksi ASN Imbang 1 bermula pada 1 Disember ini.



MOHD. NIZAM (kiri) menyampaikan watikah pelantikan kepada **Mohamad Akram** (kanan) sambil disaksikan oleh **Ahmad Zulqarnain** (dua dari kiri) di Kuala Lumpur baru-baru ini.